

PENGGUNAAN TEORI TINDAKAN BERALASAN MENERUSI MEDIA SOSIAL *INSTAGRAM* DALAM MENGEMBANGKAN INDUSTRI BUTIK VENDOR TEMPATAN

Sabrina Mohd Rashid dan Hanani Ismail

Penggunaan internet telah mengubah dan meningkatkan gaya hidup masyarakat pada masa kini. Internet yang pada awalnya digunakan sebagai medium komunikasi dan pencarian maklumat kini telah mula digunakan secara aktif sebagai medium perkongsian dan pemasaran terutamanya melalui media sosial. Media sosial merupakan perkhidmatan berasaskan laman sesawang yang membolehkan para pengguna membina sebuah profil yang terikat pada sesebuah sistem, mempengaruhi pengguna lain untuk berkongsi perhubungan dan melayari senarai hubungan yang telah dibuat di dalam sesebuah jaringan itu (Nursyafikah, 2013).

OBJEKTIF

Kajian ini menumpukan kepada aktiviti pemasaran butik vendor melalui media sosial. *Instagram* adalah satu media sosial yang sedang berkembang pesat. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengetahui dengan lebih dekat fenomena penggunaan dan pemilihan saluran *Instagram* dalam perniagaan butik vendor dan cara pemilihan berlaku.

Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kepada para peniaga butik vendor yang menggunakan *Instagram* sebagai saluran promosi. Kajian ini hanya melibatkan butik vendor yang terpilih dalam negeri Kedah sahaja kerana kekangan masa yang dihadapi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penggunaan Internet

Salah satu media sosial yang menjadi pilihan pemasar kini ialah *Instagram*, kerana ia memberi impak lebih tinggi berbanding *Facebook* dari aspek interaksi antara pelanggan (Marziana, 2015). Ini menunjukkan bahawa penggunaan *Instagram* adalah semakin meluas dalam bidang pemasaran. Malahan, merujuk hasil kajian, Statista (2015) mendapati pengguna *Instagram* pada tahun 2014 adalah semakin meningkat sehingga 300 juta pengguna dan pada November 2015 jumlah ini meningkat pada 400 juta pengguna dan merujuk kepada Statista pada Jun 2018, pengguna *Instagram* telah melebihi 1 billion pengguna. Oleh hal demikian, dengan jumlah pengguna yang tinggi para peniaga mampu mengembangkan pemasaran mereka kepada skop yang lebih luas.

Data dari *We Are Social* pada tahun 2015 menunjukkan pengguna internet aktif di seluruh dunia kini mencapai angka 3.17 juta. Pada 2018, pengguna internet telah mencecah 4 billion (We Are Social, 2018). Manakala dari jumlah tersebut, pengguna media sosial di seluruh dunia ialah 3.196 bilion orang pada 2018 (Chaffey D., 2018). Cara jual beli dan transaksi perniagaan yang mudah yang boleh menjimatkan masa dan tenaga dan melibatkan penggunaan modal yang rendah telah menarik minat ramai wanita untuk menceburi bidang ini khususnya wanita muda (Stephen L. Baglione, Talha Harcar, John Spillan, 2017; Geraldine, Sivapalan & Bahiyah, 2011).

Perniagaan Vendor

Perniagaan butik vendor merupakan konsep perniagaan yang menggabungkan beberapa buah peniaga di bawah satu bumbung. Pemilik butik vendor akan menyewa ruang niaga kepada peniaga